

26 FEB 1999

PM RASMIKAN BANGUNAN SC DI BUKIT KIARA

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Bangunan Suruhanjaya Sekuriti (SC) bernilai RM227 juta di Bukit Kiara di sini.

Bangunan pintar setinggi 11 tingkat yang dibina di atas tapak seluas 1.6 hektar itu direkabentuk sebagai sebuah pusat operasi bersepadu yang dapat memenuhi pelbagai keperluan SC dan pusat perkembangan industri sekuriti yang berbeza.

Pengerusi SC Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid berkata bangunan yang mengambil masa 28 bulan untuk disiapkan itu akan menempatkan 450 orang kakitangan SC yang sebelum ini beroperasi dari lima premis yang disewa di Kuala Lumpur.

"Bangunan ini direkabentuk khusus untuk menjadi bangunan paling canggih di Asia sesuai dengan peranan SC sebagai institusi utama negara yang mengawalselia dan membangunkan pasaran modal Malaysia," katanya.

Beliau berkata bangunan baru itu juga mengimbangkan keperluan keselamatan dengan seluruh bangunan ditadbir dan diuruskan oleh sistem pengurusan kawalan bersepadu.

Katanya bangunan baru SC direkabentuk oleh Hijjas Kasturi Associate Sdn Bhd mengikut konsep moden yang menggabung rekabentuk tradisional untuk memperlihatkan imej yang kukuh dan teguh serta mencerminkan sejarah dan aspirasi negara.

-- BERNAMA
AKT AHH NMO